Vol. 26 No. 2 (2026) Jurnal al- Sirat
https://doi.org/10.64398/alsirat.v26i2.605

Vol. 26 No. 2 (2026)
ISSN: 1823-4313 / e-ISSN: 2785-9169
https://ejournal.uniqsaas.edu.my/

SUMBANGAN PEMIKIRAN YUSUF AL-QARADAWI DALAM FIQH HALAL DAN HARAM KONTEMPORARI

THE CONTRIBUTION OF YUSUF AL-QARADAWI'S THOUGHT TO CONTEMPORARY FIQH OF HALAL AND HARAM

Nor Musfirah Mohamad[1] & Nik Faisal Nik Ismail[2]

[1 & 2] *Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin*

Abstrak

Konsep halal dan haram merupakan prinsip asas dalam syariah Islam yang menjadi panduan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi moden, pelbagai isu baharu berkaitan makanan, farmaseutikal, kosmetik dan ekonomi memerlukan penjelasan hukum syarak secara lebih komprehensif. Antara tokoh ulama kontemporari yang memberi sumbangan besar dalam bidang ini ialah Yusuf al-Qaradawi. Artikel ini bertujuan menganalisis sumbangan pemikiran beliau dalam pengembangan fiqh halal dan haram melalui karya utama beliau serta pendekatan metodologi yang digunakan dalam menentukan hukum. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap karya utama beliau iaitu al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam serta tulisan-tulisan lain yang berkaitan dengan fiqh kontemporari serta kajian-kajian akademik terkini. Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran al-Qaradawi menekankan penggunaan kaedah fiqh, Maqasid Syariah dan pendekatan wasatiyyah dalam penentuan hukum. Pendekatan ini menjadikan fiqh halal dan haram lebih relevan dengan realiti kehidupan moden serta memberi sumbangan penting kepada perkembangan Industri Halal Global. Pemikiran al-Qaradawi telah memperluas pendekatan fiqh halal dan haram dengan menekankan keseimbangan antara nas syarak dan realiti semasa, sekali gus memberi panduan yang praktikal kepada umat Islam dalam menghadapi cabaran kehidupan moden yang semakin kompleks.

Keywords: Sumbangan; Pemikiran; Yusuf al-Qaradawi; Fiqh halal haram; Fiqh kontemporari

Abstract

The concepts of halal and haram are fundamental principles in Islamic Shariah that serve as the primary guidance for Muslims in their daily lives. In the era of globalization and the advancement of modern technology, various new issues related to food, pharmaceuticals, cosmetics, and the economy require a more comprehensive explanation of Islamic legal rulings. Among the contemporary Muslim scholars who have made significant contributions in this field is Yusuf al-Qaradawi. This article aims to analyse his intellectual contributions to the

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Oktober 2026
Disemak: 30 September 2026
Diterbit: 30 Oktober 2026

*Corresponding Author:
Nor Musfirah Mohamad, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin.
Email: musfirah@kuips.edu.my

development of the halal and haram fiqh through his major work and the methodological approach he used in determining legal rulings. This study employs the document analysis method on his principal work, Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam, as well as his other writings related to contemporary jurisprudence and recent academic studies. The findings show that al-Qaradawi's thought emphasizes the use of Islamic Jurisprudence principles, Maqasid al-Shariah, and the wasatiyyah approach in determining legal rulings. This approach makes the halal and haram fiqh more relevant to the realities of modern life and contributes significantly to the development of the Global Halal Industry. Al-Qaradawi's thought has expanded the approach to the halal and haram fiqh by emphasizing a balance between the textual sources of Shariah and contemporary realities, thereby providing practical guidance for Muslims in facing the increasingly complex challenges of modern life.

Keywords: Contribution; Thought; Yusuf al-Qaradawi; Halal and Haram Fiqh; Contemporary Fiqh

PENGENALAN

Perbahasan mengenai halal dan haram merupakan salah satu topik asas dalam fiqh Islam yang mempunyai hubungan langsung dengan kehidupan seharian umat Islam. Konsep halal dan haram bukan sahaja berkaitan dengan aspek makanan dan minuman, malah merangkumi pelbagai bidang kehidupan seperti ekonomi, sosial, perubatan dan teknologi. Dalam era globalisasi dan perkembangan industri moden, pelbagai isu baharu timbul yang memerlukan penjelasan hukum syarak secara lebih sistematik dan relevan.

Perkembangan ini menuntut para ulama untuk melakukan ijtihad bagi menilai hukum terhadap perkara-perkara baharu yang tidak dibincangkan secara langsung dalam sumber klasik fiqh. Dalam konteks ini, tokoh ulama kontemporari memainkan peranan penting dalam mengembangkan metodologi fiqh agar mampu menangani cabaran semasa. Antara tokoh yang memberi sumbangan besar dalam bidang ini ialah Yusuf al-Qaradawi, seorang sarjana Islam yang terkenal dengan pendekatan fiqh yang sederhana, komprehensif dan relevan dengan realiti kehidupan moden.

Melalui karya-karyanya, khususnya kitab *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam*, al-Qaradawi (1994) telah mengemukakan pendekatan yang sistematik dalam menjelaskan prinsip halal dan haram dalam Islam. Pemikiran beliau bukan sahaja berasaskan dalil al-Quran dan hadis, malah turut mengambil kira Maqasid Syariah, kaedah fiqh serta perubahan realiti sosial. Justeru, penulisan artikel ini menjelaskan latar belakang beliau dan mengenal pasti sumbangan pemikiran al-Qaradawi dalam fiqh halal dan haram kontemporari dalam membantu masyarakat Islam memahami dan menangani pelbagai isu halal yang semakin kompleks pada masa kini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema utama dalam sumbangan pemikiran (Bowen, 2009). Kaedah ini sering digunakan dalam kajian fiqh dan kajian pemikiran tokoh bagi meneliti teks-teks klasik serta karya akademik yang berkaitan (Kamali, 2010). Data kajian diperoleh daripada dua sumber utama iaitu sumber primer; karya al-Qaradawi iaitu *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam* dan sumber sekunder; artikel-artikel jurnal berkaitan fiqh halal dan industri halal serta kajian mengenai pemikiran al-

Qaradawi. Data-data yang diperolehi kemudian dianalisis menggunakan metode deduktif dan deskriptif bagi mendapatkan natijah yang sesuai dan selaras dengan skop kajian.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai *fiqh* halal dan haram telah berkembang pesat seiring dengan perkembangan industri halal global. Banyak kajian kontemporari meneliti aspek hukum, ekonomi dan sosial berkaitan konsep halal dalam masyarakat moden. Sebagai contoh, kajian oleh Kamali (2013) menegaskan bahawa konsep halal perlu difahami dalam konteks maqasid syariah bagi memastikan bahawa hukum yang ditetapkan dapat memenuhi tujuan syariah. Selain itu, kajian oleh Lever dan Miele (2012) menunjukkan bahawa perkembangan industri halal global telah menjadikan konsep halal sebagai satu fenomena ekonomi yang penting dalam pasaran antarabangsa. Kajian lain turut meneliti isu halal dalam konteks pemakanan dan industri makanan seperti kajian oleh Bonne dan Verbeke (2008) mendapati bahawa faktor agama memainkan peranan penting dalam menentukan pilihan pengguna Muslim terhadap produk makanan halal. Dalam konteks yang sama, industri halal global berkembang pesat kerana peningkatan kesedaran pengguna Muslim terhadap kepentingan pematuhan syariah.

Di samping itu, beberapa kajian turut meneliti pendekatan ulama kontemporari dalam memahami konsep halal dan haram. Sebagai contoh, kajian oleh Akram (2021) menganalisis pendekatan fiqh yang digunakan oleh al-Qaradawi dalam memahami isu halal dan haram serta membandingkannya dengan pendekatan ulama klasik. Kajian tersebut mendapati bahawa pendekatan al-Qaradawi boleh dikategorikan sebagai "*reform through tradition*", iaitu pendekatan pembaharuan yang masih berasaskan tradisi fiqh klasik. Selain itu, terdapat juga kajian meneliti kaedah fiqh yang digunakan oleh al-Qaradawi dalam menentukan hukum halal dan haram. Kajian tersebut menunjukkan bahawa beliau menggunakan beberapa kaedah fiqh utama seperti prinsip asal sesuatu perkara adalah harus serta prinsip darurat mengharuskan perkara yang dilarang (Indradi, 2023).

Berdasarkan sorotan kajian lepas, didapati bahawa kebanyakan penyelidikan terdahulu lebih memberi tumpuan kepada aspek umum fiqh halal dan haram dalam konteks industri halal global, merangkumi dimensi ekonomi, sosial serta tingkah laku pengguna. Walaupun kajian seperti yang dikemukakan oleh Kamali (2010) menekankan kepentingan maqasid syariah dalam memahami konsep halal, serta kajian Lever dan Miele (2012) yang meneliti perkembangan industri halal sebagai fenomena ekonomi global, namun penumpuan terhadap sumbangan pemikiran tokoh ulama secara khusus masih kurang diberi perhatian. Dalam konteks ini, kajian berkaitan Yusuf al-Qaradawi kebanyakannya hanya meneliti pendekatan fiqh beliau secara umum atau dalam bentuk perbandingan dengan ulama klasik, seperti yang dibincangkan oleh Akram (2021), tanpa menghuraikan secara mendalam aplikasi pemikiran beliau dalam menangani isu-isu halal dan haram kontemporari yang semakin kompleks.

Selain itu, walaupun terdapat kajian yang membincangkan kaedah fiqh yang digunakan oleh al-Qaradawi seperti prinsip asal sesuatu perkara adalah harus dan konsep darurat (Indradi, 2023), namun kajian tersebut masih belum mengemukakan satu kerangka pemikiran yang sistematik dan komprehensif dalam konteks fiqh halal dan haram semasa. Oleh itu, wujud keperluan untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam bagi menganalisis sumbangan pemikiran Yusuf al-Qaradawi secara khusus dalam fiqh halal dan haram kontemporari, di samping mengaitkannya dengan realiti semasa serta cabaran moden yang dihadapi oleh masyarakat Muslim.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan subtopik utama bermula dengan pengenalan latar belakang intelektual Yusuf al-Qaradawi dalam bidang Fiqh Halal dan Haram seterusnya diikuti dengan analisis sumbangan pemikiran al-Qaradawi dalam bidang Fiqh Halal dan Haram.

LATAR BELAKANG INTELEKTUAL YUSUF AL-QARADAWI DALAM BIDANG FIQH HALAL DAN HARAM

Yusuf al-Qaradawi merupakan antara tokoh ulama kontemporari yang paling berpengaruh dalam perkembangan pemikiran fiqh Islam abad ke-20 dan awal abad ke-21. Beliau dikenali sebagai sarjana yang aktif mengemukakan pendekatan fiqh yang bersifat dinamik, sederhana dan responsif terhadap realiti kehidupan moden. Pemikiran beliau memberi kesan besar kepada perkembangan fiqh kontemporari, khususnya dalam perbahasan berkaitan halal dan haram, yang mempunyai hubungan langsung dengan kehidupan seharian umat Islam (Abas, Abdul Manaf, & Mat Salleh, 2025; Akram, 2020). Melalui karya ilmiah, fatwa dan penglibatan dalam institusi akademik antarabangsa, al-Qaradawi mengembangkan pendekatan fiqh yang menekankan prinsip kemudahan, keseimbangan serta kesesuaian hukum Islam dengan perubahan zaman (Hikmah & Yazid, 2024; Rosele, Abdullah, & Ramli, 2014).

Dari segi latar belakang kehidupan, Yusuf al-Qaradawi dilahirkan pada 9 September 1926 di kampung Saft Turab di wilayah Gharbia, Mesir, dalam sebuah keluarga sederhana tetapi kuat berpegang kepada ajaran Islam. Kehidupan awal beliau turut dipengaruhi oleh pengalaman menjadi anak yatim apabila bapanya meninggal dunia ketika beliau masih kecil. Walaupun begitu, beliau berjaya menghafaz al-Quran sebelum mencapai usia sepuluh tahun, satu pencapaian yang menjadi asas penting kepada pembentukan keilmuan dan ketokohan beliau dalam bidang syariah (Al-Qaradawi, 2006; Polka, 2015). Pendidikan awal ini membentuk asas intelektual yang kukuh dan kesedaran terhadap pentingnya pemahaman syariah secara menyeluruh (Gräf & Skovgaard-Petersen, 2009).

Pendidikan formal al-Qaradawi bermula di Maahad al-Azhar di Tanta, sebelum beliau melanjutkan pengajian ke Universiti al-Azhar di Kaherah. Di institusi ini, beliau mendalami pelbagai disiplin ilmu Islam seperti tafsir, hadis, fiqh dan *usul al-fiqh*. Pendidikan yang panjang ini membekalkan asas yang kukuh dalam metodologi hukum Islam dan membolehkan beliau menggabungkan pendekatan tradisional dengan pemikiran kontemporari (Skovgaard-Petersen, 2012; Ariffin, Rosele, & Harun, 2022). Beliau memperoleh ijazah sarjana muda pada tahun 1953, diikuti diploma bahasa Arab pada tahun 1958, seterusnya sarjana dalam bidang al-Quran dan Sunnah pada tahun 1960, dan akhirnya ijazah doktor falsafah (PhD) pada tahun 1973 dengan tesis mengenai zakat sebagai penyelesaian masalah sosial (Albaik, 2009; Abas, Abdul Manaf, & Mat Salleh, 2025).

Selain pendidikan formal, perkembangan intelektual al-Qaradawi turut dipengaruhi oleh tokoh pemikir Islam terkenal seperti Hasan al-Banna, Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim, Muhammad Abduh dan Rashid Rida. Pemikiran tokoh-tokoh ini membentuk pendekatan beliau yang menekankan *tajdid* (pembaharuan) dan kepentingan Maqasid Syariah dalam ijtihad. Oleh itu, pendekatan fiqh al-Qaradawi bukan sahaja literal terhadap nas syarak, tetapi turut mengambil kira konteks sosial dan perubahan zaman (Indradi, 2023; Akram, 2020; Asror, Rofiqi, Syafaq, & Hilmy, 2023).

Pengalaman akademik dan profesional al-Qaradawi turut memainkan peranan penting. Setelah meninggalkan Mesir pada awal 1960-an, beliau menetap di Qatar dan terlibat secara aktif dalam pembangunan institusi pendidikan Islam. Beliau menjadi antara pengasas Fakulti Syariah dan Pengajian Islam di Universiti Qatar dan pernah berkhidmat sebagai dekan fakulti tersebut. Beliau juga menubuhkan Pusat Penyelidikan Sunnah dan Sirah untuk memperkaya kajian hadis dan sejarah Islam. Peranan ini membolehkan beliau menyumbang secara langsung kepada pembangunan ilmu fiqh di peringkat antarabangsa (Salhab, Zaroum, & Awad, 2024; Nasir & Umar, 2025).

Dalam bidang penulisan, Yusuf al-Qaradawi dikenali sebagai sarjana yang produktif, menghasilkan lebih 120 karya merangkumi fiqh, ekonomi Islam, pemikiran kontemporari dan dakwah. Karya terpenting beliau ialah *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam* (1960), yang membincangkan isu halal dan haram berdasarkan prinsip syariah yang komprehensif. Dalam karya ini, beliau menegaskan bahawa hukum asal sesuatu perkara adalah harus selagi tiada dalil jelas mengharamkannya, memberikan kelonggaran dalam menghadapi perubahan sosial, ekonomi dan teknologi (Shaary & Wan Harun, 2020; Akram, 2020; March, 2015).

Pendekatan fiqh al-Qaradawi juga menekankan prinsip *wasatiyyah* atau kesederhanaan, mengelakkan sikap terlalu ketat (*tashaddud*) atau longgar (*tasāhul*). Dalam konteks halal dan haram, beliau menekankan bahawa Islam memudahkan dan tidak membebankan, serta menekankan perlunya hukum mengambil kira tujuan syariah, kepentingan manusia, dan perubahan keadaan masyarakat. Pendekatan ini menjadikan pemikiran fiqh beliau relevan untuk cabaran globalisasi dan perkembangan teknologi masa kini (Gräf, 2010; Auda, 2017; Kamali, 2014).

Secara keseluruhannya, latar belakang intelektual Yusuf al-Qaradawi terbentuk melalui gabungan pendidikan tradisional al-Azhar, pengaruh pemikir reformis Islam dan pengalaman akademik serta dakwah yang luas. Gabungan ini membentuk pendekatan fiqh yang sederhana, kontekstual dan berorientasikan Maqasid Syariah. Melalui karya ilmiah dan fatwa beliau, al-Qaradawi telah memberikan sumbangan besar dalam memperkembangkan fiqh halal dan haram yang relevan dengan kehidupan moden, menjadikannya tokoh utama dalam fiqh kontemporari.

SUMBANGAN PEMIKIRAN AL-QARADAWI DALAM BIDANG FIQH HALAL DAN HARAM

Yusuf al-Qaradawi merupakan antara ulama kontemporari yang sangat berpengaruh dalam membincangkan isu fiqh halal dan haram, khususnya dalam konteks kehidupan moden. Pemikirannya banyak memberi panduan kepada umat Islam dalam menghadapi perubahan sosial, ekonomi dan teknologi semasa. Perbahasan sumbangan beliau dapat dilihat melalui beberapa aspek utama seperti mana berikut:

1. Penulisan Kitab Fiqh Halal dan Haram Kontemporari

Antara sumbangan terbesar Yusuf al-Qaradawi dalam perkembangan fiqh halal dan haram kontemporari ialah melalui karya beliau yang terkenal iaitu *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam*. Kitab ini dianggap sebagai salah satu karya fiqh moden yang paling berpengaruh dalam membincangkan prinsip halal dan haram dalam kehidupan umat Islam pada era kontemporari. Penulisan karya ini bertujuan memberikan panduan praktikal kepada umat Islam mengenai batasan syariah dalam kehidupan seharian dengan berpandukan dalil daripada al-Quran, hadis serta kaedah-kaedah fiqh yang muktabar (Akram, 2021; Indradi, 2023).

Secara umum, kitab ini menghimpunkan perbahasan hukum halal dan haram yang berkaitan dengan pelbagai aspek kehidupan seperti pemakanan, pakaian, pergaulan sosial, hiburan, pekerjaan serta kegiatan ekonomi. Pendekatan ini menunjukkan usaha al-Qaradawi untuk menghubungkan prinsip syariah dengan realiti kehidupan moden yang semakin kompleks. Dalam konteks tersebut, beliau menegaskan bahawa konsep halal dan haram merupakan asas penting dalam pembentukan etika kehidupan Islam kerana ia menentukan garis panduan tingkah laku umat Islam dalam semua bidang kehidupan (Choudhury, 2022). Sumbangan utama kitab ini dapat dilihat melalui usaha al-Qaradawi menghimpunkan prinsip-prinsip asas hukum halal dan haram berdasarkan sumber-sumber utama syariah. Beliau merumuskan beberapa kaedah fiqh penting yang menjadi asas dalam menentukan hukum sesuatu perkara. Antaranya ialah kaedah bahawa hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus selagi tiada dalil yang mengharamkannya, serta prinsip bahawa penentuan halal dan haram merupakan hak mutlak Allah SWT (Indradi, 2023). Selain itu, al-Qaradawi turut memperlihatkan pendekatan fiqh yang bersifat sederhana (*wasatiyyah*) serta menekankan konsep kemudahan (*taysīr*) dalam pelaksanaan hukum Islam. Pendekatan ini dapat dilihat dalam perbincangan beliau mengenai isu pemakanan dan penggunaan rukhsah dalam keadaan tertentu. Dalam hal ini, beliau menegaskan bahawa syariah Islam bertujuan memelihara kemaslahatan manusia serta mengelakkan kesukaran yang tidak perlu dalam kehidupan (Shaary & Wan Harun, 2020).

Kitab *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam* turut membincangkan pelbagai isu kehidupan moden berkaitan etika pergaulan, hiburan, pekerjaan, institusi keluarga serta hubungan sosial dalam masyarakat majmuk. Perbincangan tersebut menunjukkan usaha al-Qaradawi untuk menjadikan fiqh sebagai panduan praktikal yang relevan dengan realiti semasa umat Islam. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan kemaslahatan manusia serta keseimbangan antara keperluan dunia dan akhirat (Hikmah & Yazid, 2024). Satu lagi kekuatan utama karya ini ialah pendekatan penulisan yang mudah difahami oleh masyarakat awam. Walaupun perbincangan dalam kitab ini berasaskan disiplin fiqh yang mendalam, al-Qaradawi menggunakan gaya bahasa yang jelas serta hujah yang tersusun bagi memudahkan pembaca memahami prinsip halal dan haram. Oleh itu, kitab ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan digunakan secara meluas dalam kajian fiqh kontemporari di pelbagai institusi pengajian Islam di seluruh dunia. Karya ini bukan sahaja menjadi rujukan dalam kajian fiqh muamalat dan etika kehidupan Islam, bahkan turut mempengaruhi perkembangan pemikiran fiqh moden yang menekankan prinsip kemudahan, kesederhanaan serta pertimbangan Maqasid Syariah dalam menentukan hukum (Akram, 2021; Hikmah & Yazid, 2024).

Rumusannya, penulisan *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam* merupakan salah satu sumbangan penting Yusuf al-Qaradawi dalam memperkayakan khazanah *fiqh* kontemporari. Melalui karya ini, beliau berjaya memperlihatkan bahawa prinsip halal dan haram dalam Islam bukan sekadar perbahasan hukum semata-mata, tetapi merupakan sistem nilai yang membimbing kehidupan umat Islam secara menyeluruh dalam menghadapi cabaran dunia moden.

2. Pemikiran Al-Qaradawi Terhadap Konsep Halal dan Haram

Pemikiran Yusuf al-Qaradawi mengenai konsep halal dan haram menekankan bahawa penentuan hukum tersebut merupakan ketetapan syariah yang bertujuan menjaga kemaslahatan manusia dalam kehidupan. Dalam kerangka fiqh Islam, beliau menjelaskan bahawa hukum asal bagi sesuatu perkara

adalah harus (*ibahah)* selagi tidak terdapat dalil yang jelas daripada al-Quran atau hadis yang mengharamkannya. Prinsip ini menunjukkan bahawa syariah Islam bersifat fleksibel dan memberi ruang yang luas kepada manusia untuk memanfaatkan pelbagai perkara dalam kehidupan tanpa dibebani oleh larangan yang tidak berasas (al-Qaradawi, 1994). Dengan kata lain, pengharaman dalam Islam adalah terhad kepada perkara yang mempunyai dalil yang jelas, manakala ruang penghalalan adalah lebih luas sebagai manifestasi rahmat syariah kepada umat manusia (al-Qaradawi, 1994).

Selain itu, pendekatan yang diketengahkan oleh al-Qaradawi ini juga selari dengan prinsip yang dibincangkan dalam disiplin usul fiqh, iaitu kaedah *al-aṣl fi al-ashyā' al-ibāhah* yang bermaksud hukum asal sesuatu perkara adalah harus selagi tidak terdapat dalil yang menunjukkan pengharamannya. Prinsip ini memberi asas metodologi yang penting dalam menentukan hukum terhadap pelbagai isu baharu yang muncul dalam kehidupan moden, khususnya dalam bidang makanan, perubatan, ekonomi dan teknologi. Menurut sarjana fiqh kontemporari seperti Mohammad Hashim Kamali (2010) pendekatan ini menggambarkan sifat syariah yang tidak memberatkan serta menekankan kemudahan kepada umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian.

Di samping itu, al-Qaradawi turut menegaskan bahawa hak menentukan halal dan haram adalah milik mutlak Allah SWT. Manusia tidak mempunyai autoriti untuk menetapkan sesuatu hukum tanpa bersandarkan dalil yang sahih daripada al-Quran dan sunnah. Dalam hal ini, sebarang usaha untuk menghalalkan perkara yang diharamkan atau mengharamkan perkara yang dihalalkan oleh Allah dianggap sebagai satu bentuk pelampauan terhadap batas syariah. Prinsip ini menegaskan bahawa sumber utama penetapan hukum dalam Islam mestilah berpandukan wahyu dan bukan semata-mata berdasarkan pandangan manusia atau pertimbangan rasional semata-mata (Akram, 2021).

Rumusannya, sumbangan pemikiran al-Qaradawi dalam membincangkan konsep halal dan haram telah memberikan kerangka fiqh yang jelas serta relevan dengan realiti kehidupan kontemporari. Pendekatan beliau yang menekankan prinsip kelonggaran hukum asal, kebergantungan kepada dalil syarak serta tujuan menjaga kemaslahatan manusia menjadikan konsep halal dan haram bukan sekadar peraturan hukum, tetapi juga sebagai mekanisme syariah yang memastikan kesejahteraan dan keseimbangan dalam kehidupan umat Islam.

3. Kaedah Fiqh dalam Penentuan Halal Haram

Yusuf al-Qaradawi menekankan penggunaan kaedah fiqh sebagai asas penting dalam proses ijtihad ketika membincangkan hukum halal dan haram. Sumbangan beliau lebih tepat dilihat dari sudut menyusun dan mengaplikasikan serta penerapan prinsip-prinsip fiqh dalam menentukan persoalan halal dan haram terhadap persoalan semasa. Qaradawi bukanlah pengasas ilmu kaedah fiqh, kerana ilmu tersebut telah berkembang melalui tradisi fuqaha terdahulu. Kaedah fiqh atau *al-qawāʿid al-fiqhiyyah* merujuk kepada prinsip hukum yang bersifat umum dan merangkumi sejumlah hukum fiqh cabang yang mempunyai persamaan dari sudut asas atau ciri hukumnya. Al-Taftāzānī (792H) menjelaskan kaedah fiqh sebagai prinsip yang bersifat menyeluruh yang dapat digunakan untuk mengenal pasti hukum bagi permasalahan cabang, manakala al-Zarqā (1998) menekankannya sebagai prinsip hukum yang dirumuskan dalam ungkapan yang ringkas dan mencakupi pelbagai permasalahan fiqh.

Dalam perkembangan ilmu fiqh, kaedah tersebut berfungsi menyusun dan menghubungkan hukum-hukum cabang yang banyak kepada prinsip yang lebih umum, sekali gus memudahkan pemahaman dan penerapannya terhadap permasalahan semasa. Namun demikian, kebanyakan kaedah

fiqh bersifat *aghlabiyyah*, iaitu terpakai pada kebanyakan keadaan dan mempunyai pengecualian tertentu; oleh itu, penerapannya perlu mengambil kira konteks serta prinsip hukum yang berkaitan (Kamali, 2006).

Dari sudut fungsi, kaedah fiqh perlu dibezakan daripada Usul Fiqh bagi mengelakkan kekeliruan dalam penetapan hukum. Usul Fiqh merupakan metodologi yang menjelaskan cara memahami dalil syarak dan mengistinbāṭ hukum daripadanya, manakala kaedah fiqh merupakan prinsip umum yang membantu memahami, mengklasifikasikan dan mengaplikasikan hukum fiqh terhadap permasalahan cabang (Jum'ah, 2006). Dengan kata lain, Usul Fiqh lebih tertumpu pada dalil dan kaedah mengeluarkan hukum, sedangkan kaedah fiqh berfungsi sebagai instrumen untuk menerapkan prinsip hukum kepada pelbagai kes yang berkaitan (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2016). Oleh itu, kaedah fiqh bukanlah pengganti kepada Usul Fiqh dalam proses *istinbāṭ*, sebaliknya menjadi instrumen pelengkap yang membantu memastikan penerapan hukum selaras dengan prinsip umum syariah.

Bagi mengelakkan kekeliruan pembaca, hubungan antara Usul Fiqh, Kaedah Fiqh dan Pendekatan al-Qaradawi boleh dirumuskan seperti mana jadual 1.

Jadual 1: Rumusan Perbezaan Usul Fiqh, Kaedah Fiqh dan Pendekatan al-Qaradawi

Aspek	Usul Fiqh	Kaedah Fiqh	Pendekatan al-Qaradawi
Fungsi utama	Menentukan metodologi mengeluarkan hukum daripada dalil	Merumus dan mengaplikasikan prinsip umum fiqh kepada kes-kes cabang	Mengaplikasikan prinsip syarak dan fiqh kepada persoalan kontemporari
Asas	Dalil syarak dan kaedah memahami dalil	Himpunan dan penelitian terhadap hukum-hukum fiqh	Al-Quran, al-Sunnah, fiqh, kaedah fiqh, maqasid dan realiti semasa
Kedudukan dalam hukum	Asas metodologi istinbāṭ	Instrumen dan panduan dalam memahami serta menerapkan hukum	Pendekatan ijtihad kontemporari
Contoh	*Qiyās*, *ijmāʿ*, *ʿām-khāṣṣ*, *muṭlaq-muqayyad*	*Al-ḍarar yuzāl*, *al-umūr bi-maqāṣidihā*, *al-mashaqqah tajlib al-taysīr*	Menilai isu halal-haram berdasarkan dalil, prinsip fiqh, maqasid dan realiti semasa
Hubungan	Menjawab bagaimana hukum dikeluarkan daripada dalil	Membantu bagaimana prinsip fiqh diterapkan kepada kes	Menunjukkan bagaimana metodologi tersebut digunakan untuk menjawab isu semasa

Dalam konteks yang lebih luas, Kamali (2006, 2021) menjelaskan bahawa kaedah fiqh merupakan rumusan teori yang terbentuk daripada penelitian terhadap sejumlah besar hukum fiqh yang terperinci. Oleh itu, kaedah fiqh dapat dianggap sebagai hasil pengabstrakan dan penyusunan semula hukum-hukum fiqh ke dalam ungkapan yang ringkas tetapi mempunyai cakupan yang luas. Kaedah seperti *al-umūr bi-maqāṣidihā* (setiap perkara dinilai berdasarkan tujuannya), *al-yaqīn lā yazūl bi al-shakk* (keyakinan tidak dihilangkan dengan keraguan), *al-mashaqqah tajlib al-taysīr* (kesukaran membawa kepada kemudahan), *al-ḍarar yuzāl* (kemudaratan hendaklah dihilangkan) dan *al-ʿādah muḥakkamah* (adat diterima sebagai pertimbangan hukum) menjadi antara kaedah *kulliyyah* (umum) yang mempunyai aplikasi merentasi pelbagai bidang fiqh.

Melalui kaedah ini, hukum-hakam Islam dapat diaplikasikan secara lebih sistematik dan relevan dengan perkembangan zaman tanpa menjejaskan prinsip asas syariah (Fazil &Abdul Majid, 2024:Kamali, 2010). Dalam hal ini, al-Qaradawi menghuraikan beberapa prinsip asas yang menjadi panduan dalam menentukan batas halal dan haram dalam kehidupan umat Islam moden.

Salah satu kaedah fiqh utama yang digunakan oleh al-Qaradawi ialah ***al-aṣl fi al-ashyā' al-ibāhah***, iaitu prinsip bahawa asal sesuatu perkara adalah harus selagi tiada dalil yang jelas mengharamkannya. Prinsip ini memberikan ruang yang luas kepada umat Islam untuk memanfaatkan pelbagai perkara baharu dalam kehidupan seperti teknologi, makanan, perubatan dan transaksi ekonomi moden. Kaedah ini juga menzahirkan sifat syariah yang bersifat fleksibel dan tidak menyempitkan kehidupan manusia. Dalam konteks kontemporari, kaedah ini sering digunakan dalam menentukan hukum terhadap produk atau aktiviti baharu yang tidak disebut secara langsung dalam nas syarak (Gustanto & Mubarok, 2023). Pada masa yang sama, al-Qaradawi turut mengingatkan bahawa pemakaian kaedah ini tidak seharusnya melibatkan urusan berkaitan ibadah khusus yang terikat dengan wahyu atau nas syarak, adapun dalam urusan adat dan muamalat tiada sebarang halangan untuk dilaksanakan apa jua bentuk inovasi dan penambah baikan yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas syarak (Al-Qaradawi, 1994).

Selain itu, al-Qaradawi turut mengaplikasikan kaedah ***sadd al-dhara'i*‘**, iaitu menutup jalan yang boleh membawa kepada perkara haram. Kaedah ini berfungsi sebagai mekanisme pencegahan bagi mengelakkan sesuatu perkara yang pada asalnya harus daripada menjadi sebab kepada kemudaratan atau pelanggaran hukum syarak. Dalam metodologi fiqh, konsep *sadd al-dhara'i‘* sering digunakan oleh para ulama bagi memastikan sesuatu tindakan tidak membuka ruang kepada kerosakan yang lebih besar dalam masyarakat. Oleh itu, kaedah ini memainkan peranan penting dalam menilai isu-isu kontemporari yang berpotensi membawa kepada unsur penipuan, eksploitasi atau kemudaratan (Abdul Majid, 2023). Dalam hal ini al-Qaradawi telah menjadikan kaedah **fiqh *mā adda ila al-harām fahuwa harām*** (sesuatu perkara yang boleh membawa kepada yang haram, perkara tersebut juga dihukumkan sebagai haram) sebagai asas perbincangan dengan menjelaskan beberapa hukum seperti larangan perbuatan khalwat, pornografi, budaya hedonisme, pergaulan bebas dan sebagainya (al-Qaradawi, 1994).

Di samping itu, al-Qaradawi juga menggunakan kaedah ***al-darurat tubih al-mahzurat***, iaitu keadaan darurat boleh mengharuskan perkara yang pada asalnya dilarang. Kaedah ini menunjukkan bahawa syariah Islam mengambil kira realiti kehidupan manusia dan memberi kelonggaran apabila berlaku keadaan mendesak yang boleh mengancam nyawa atau kepentingan asas manusia. Dalam konteks fiqh kontemporari, kaedah ini sering digunakan dalam isu perubatan, pemakanan dan keadaan kecemasan yang memerlukan pengecualian hukum tertentu. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa syariah tidak bersifat kaku, sebaliknya memberi ruang rukhsah bagi menjaga maslahat manusia (Shaary & Wan Harun, 2020).

Kaedah lain yang turut diberi perhatian oleh al-Qaradawi ialah ***al-masyaqqah tajlib al-taysīr***, iaitu kesukaran membawa kepada kemudahan. Prinsip ini menegaskan bahawa syariah Islam dibina atas dasar kemudahan dan tidak bertujuan membebankan manusia dengan tuntutan yang sukar dilaksanakan. Dalam banyak keadaan, syariah memberikan kelonggaran seperti rukhsah, penggantian ibadah atau perubahan kaedah pelaksanaan hukum apabila wujud kesukaran yang nyata. Hal ini selaras dengan objektif syariah yang bertujuan menjaga kemaslahatan manusia serta mengelakkan

kemudaratan dalam kehidupan seharian (Rosele, Abdullah, & Ramli, 2024).

Selain kaedah-kaedah tersebut, al-Qaradawi turut menekankan prinsip bahawa **hak menentukan halal dan haram adalah milik Allah semata-mata**. Dalam hal ini, manusia tidak berhak menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan oleh syarak atau mengharamkan sesuatu yang telah dihalalkan tanpa sandaran dalil yang sahih. Prinsip ini merupakan asas penting dalam menjaga kesucian hukum syariah serta mengelakkan penyalahgunaan autoriti dalam penentuan hukum. Oleh itu, setiap penetapan hukum mestilah bersandarkan kepada dalil syarak serta metodologi fiqh yang muktabar (Indradi, 2023).

Rumusannya, penggunaan kaedah-kaedah fiqh oleh al-Qaradawi dalam menentukan hukum halal dan haram memperlihatkan pendekatan fiqh yang bersifat moderat, sistematik dan responsif terhadap perubahan zaman. Kaedah-kaedah ini membolehkan para ulama melakukan ijtihad secara lebih teratur dalam menghadapi pelbagai isu kontemporari seperti makanan moden, teknologi perubatan, kewangan Islam dan perkembangan industri halal global. Pendekatan ini juga menunjukkan bahawa syariah Islam memiliki keanjalan yang membolehkan prinsip-prinsipnya diaplikasikan dalam pelbagai situasi tanpa menjejaskan nilai asas agama. Oleh itu, pemikiran al-Qaradawi dalam bidang fiqh halal dan haram dilihat sebagai sumbangan penting dalam memperkukuh kerangka fiqh kontemporari serta membantu umat Islam memahami batas hukum syariah dalam dunia moden.

4. Pendekatan *Wasatiyyah* dalam Fiqh Halal dan Haram

Sumbangan terbesar pemikiran *fiqh* kontemporari ialah penekanan terhadap konsep *wasatiyyah* (pertengahan) dalam memahami hukum syariah. Istilah *wasatiyyah* merujuk kepada pendekatan yang berusaha menjauhi dua ekstrem: terlalu ketat (*tasyaddud*) dan terlalu longgar (*tasāhul*) dalam penentuan hukum, agar hukum syariah dapat disesuaikan dengan realiti kehidupan manusia tanpa mengorbankan prinsip asasnya (Gräf, 2010; Kamali, 2013). Pemikiran ini merupakan salah satu ciri khas dalam karya-karya Yusuf al-Qaradawi, terutamanya dalam penulisan beliau tentang kaedah fiqh kontemporari, ijtihad dan Maqasid Syariah yang dinamik kepada perubahan sosial serta konteks sejarah. Dalam usaha mengetengahkan keperluan pendekatan *wasatiyyah*, al-Qaradawi (2009) telah menghasilkan sebuah karya penting berjudul *Fiqh al-Wasatiyyah al-Islamiyyah Wa al-Tajdīd* yang membahaskan secara tuntas dan mendalam berkaitan pendekatan ini.

Pendekatan *wasatiyyah* yang dibawa al-Qaradawi bukan sahaja menekankan keseimbangan, tetapi juga memperlihatkan pentingnya *ijtihad* yang mengambil kira realiti (*fiqh al-waqi'*) melalui prinsip maqasid, toleransi, dan dialog sosial (Mutaqin & Ahmad, 2017). Pendekatan ini menyokong idea bahawa pemahaman syariah perlu merangkumi aspek kehidupan semasa, termasuk perkembangan teknologi, pemakanan moden, dan cabaran globalisasi yang tidak ditemui pada zaman klasik (Rafida, Sahri & Amin, 2025). Dengan demikian, *wasatiyyah* lebih daripada sekadar prinsip teoretikal, malah menjadi metodologi praktikal dalam proses penentuan hukum.

Dalam konteks fiqh halal dan haram, pendekatan *wasatiyyah* membantu para *fuqaha* dan ulama untuk membuat penilaian hukum yang lebih fleksibel tanpa menjejaskan prinsip asas syariah. Contohnya, apabila menilai status sesuatu produk makanan, teknologi perubatan atau bahan farmaseutikal yang baru dijumpai, pendekatan ini tidak hanya bergantung pada teks literal semata-mata, tetapi juga mempertimbangkan tujuan syarak dan maslahat umat (Akram, 2021). Dalam penulisan al-Qaradawi sendiri, beliau menekankan bahawa hukum asal sesuatu perkara ialah *mubah* (dibolehkan)

sehingga ada nas yang jelas menyatakan sebaliknya-satu prinsip yang selari dengan pendekatan *wasatiyyah* dan prinsip kemudahan dalam syariah (Gräf, 2010).

Tambahan pula, pendekatan ini juga memberi peluang kepada ijtihad kontemporari untuk memperhalusi hukum berdasarkan maqasid seperti *hifz al-nafs* (memelihara nyawa), *hifz al-'aql* (memelihara akal), serta *hifz al-mal* (memelihara harta) — sekali gus menyumbang kepada pengembangan fiqh yang lebih relevan dengan keperluan semasa (Rasito & Mahendra, 2022). Dalam aspek ini, pendekatan *wasatiyyah* dan penekanan al-Qaradawi terhadap maqasid boleh dilihat sebagai usaha membuka ruang intelektual bagi fiqh beradaptasi dengan perubahan global tanpa mensia-siakan nilai asas syariat.

Kajian oleh Rizza et al., (2025), menyatakan pemikiran *wasatiyyah* al-Qaradawi juga dilihat relevan dalam konteks pendidikan, dialog antara agama, serta perpaduan sosial. Sebagai contoh, pendekatan beliau dijadikan asas dalam model penyelesaian konflik dan hubungan antara agama di persekitaran universiti, sekali gus meningkatkan pemahaman toleransi dan keharmonian dalam masyarakat majmuk. Ini memberi gambaran bahawa *wasatiyyah* bukan sekadar kaedah fiqh, malah ia dapat diaplikasikan secara meluas bagi menjawab cabaran kontemporari dalam pelbagai bidang kehidupan.

Walau bagaimanapun, pendekatan *wasatiyyah* bukan tanpa cabaran. Kritikan utama ialah ~~bahawa~~ keterbukaan kepada fleksibiliti hukum berpotensi disalah fahami oleh sesetengah pihak sebagai kelonggaran berlebihan yang boleh merosakkan ketegasan prinsip syariah. Oleh itu, keseimbangan epistemologi antara teks dan realiti perlu dijaga secara berhati-hati dengan mengekalkan prinsip syarak yang tetap (*qat'i*) dan menolak reinterpretasi yang terlalu longgar (*tafrīṭ*), selain memahami perbezaan antara prinsip yang tetap dan kemampuan ijtihad untuk menyesuaikan *wasilah* (alat) hukuman (Mutaqin & Ahmad, 2017). Dalam hal ini, al-Qaradawi (1994) telah mengkritik pendekatan yang terlalu longgar oleh sebahagian sarjana Islam sehingga melakukan takwilan yang salah terhadap nas syarak, begitu juga sikap fanatik sebahagian yang lain kepada mazhab atau pendapat tertentu sehingga menyempitkan apa yang telah diberikan keluasan oleh syarak.

Rumusannya, pendekatan *wasatiyyah* dalam pemikiran *fiqh* al-Qaradawi merupakan satu sumbangan penting kepada perkembangan syariah kontemporari. Ia menegaskan bahawa hukum syariah tidak boleh dipisahkan daripada realiti kehidupan manusia; sebaliknya, hukum itu perlu sentiasa diperhalusi melalui prinsip keseimbangan, toleransi, dan perhatian kepada tujuan syariah (*maqasid*). Ini seterusnya memperkukuhkan daya fiqh untuk terus relevan dalam menghadapi isu-isu moden termasuk dalam penentuan halal dan haram dalam dunia yang serba kompleks hari ini.

5. Pendekatan Maqasid Syariah dalam Fiqh Halal dan Haram

Pendekatan Maqasid Syariah merupakan salah satu sumbangan penting dalam ilmu *usul al-fiqh* dan penerapan hukum Islam kontemporari yang memberi penekanan kepada objektif dan hikmah di sebalik setiap pensyariatan hukum. Dalam konteks penentuan hukum halal dan haram, pendekatan ini tidak hanya berlandaskan kepada teks (*naṣ*) semata-mata, tetapi juga kepada tujuan pensyariatan itu sendiri yang bertujuan memelihara kesejahteraan manusia (Nazir et al., 2025). Pendekatan ini mendapat perhatian signifikan dalam pemikiran ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi, yang menegaskan bahawa hukum tidak boleh diasingkan daripada objektif maqasid itu sendiri kerana objektif tersebut adalah asas kepada realisasi maslahat (*maslahah*) dan pencegahan kerosakan

(*mafsadah*) dalam kehidupan manusia.

Al-Qaradawi dalam karya beliau *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam* menegaskan bahawa setiap hukum syarak bertujuan untuk memelihara lima perkara asas yang menjadi teras maqasid syariah iaitu agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-mal*) (Choudhury, 2020). Kerangka ini bukan sekadar garis panduan normatif, tetapi merupakan alat hermeneutik yang menghubungkan antara teks syarak dan realiti semasa. Dengan demikian, penentuan sesuatu perkara sebagai halal atau haram bukan sahaja dilihat melalui apa yang dinyatakan oleh teks, tetapi juga diteliti sejauh mana sesuatu amalan itu membawa manfaat kepada kepentingan asas insan dan mengelakkan mudarat yang nyata. Pendekatan ini meletakkan maqasid sebagai faktor penting dalam proses ijtihad kontemporari kerana ia membantu *fuqaha* untuk menangani isu-isu baru yang timbul akibat perubahan sosial, ekonomi dan teknologi tanpa mengabaikan prinsip asas syariah.

Dalam kajian terkini yang menyorot aplikasi maqasid dalam konteks moden, ditemukan bahawa pendekatan maqasid syariah membantu dalam menganalisis industri halal moden di mana aspek keselamatan, kebersihan dan manfaat kesihatan bukan sahaja menjadi syarat pensijilan, malah mencerminkan perlindungan terhadap *hifz al-nafs* dan *hifz al-'aql* (Hashim, Tumiran & Husna, 2023; Hilme & Raffi, 2024). Penekanan terhadap perlindungan lima perkara asas dalam industri halal mengukuhkan lagi pandangan al-Qaradawi bahawa penentuan halal dan haram mesti mengambil kira kesan sosial dan ekonomi kepada masyarakat, serta bukan sekadar mematuhi literal teks tanpa mengambil kira konteks dan maslahat umum. Sebagai contoh, kajian oleh Hilme dan Raffi (2024) menunjukkan bahawa penerapan prinsip maqasid bukan sahaja memastikan produk makanan adalah halal dari segi sumber bahan, tetapi juga memelihara aspek etika perniagaan, keselamatan pengguna dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Tambahan pula, pendekatan Maqasid Syariah turut memainkan peranan penting dalam tadbir urus halal (*halal governance*) di peringkat negara, sebagai mekanisme untuk mengekalkan integriti pensijilan halal dengan memperkukuhkan kefahaman terhadap objektif hukum syarak dalam setiap polisi yang digubal (Zain & Zakaria, 2021). Sekiranya pemahaman maqasid dikesampingkan, isu pensijilan palsu atau amalan tidak bertanggungjawab dalam pengeluaran produk halal mudah berlaku kerana tiada penekanan terhadap objektif perlindungan maslahah masyarakat. Ini menunjukkan bahawa pemikiran al-Qaradawi tentang maqasid bukan sekadar teori, tetapi suatu pendekatan praktikal yang relevan dalam menangani cabaran semasa dalam isu halal dan haram.

Dalam kerangka Fiqh Kontemporari, pendekatan Maqasid Syariah memberikan ruang kepada *fuqaha* untuk mengadaptasi hukum (*takyīf fiqhi*) kepada persekitaran baharu dengan menimbangkan tujuan syarak dan keperluan semasa, tanpa mengabaikan prinsip asas syariah. Ia bukan sahaja memberikan landasan teori yang kukuh, tetapi juga memperlihatkan bahawa syarak mempunyai daya lentur (*flexibility*) dalam menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Justeru, sumbangan al-Qaradawi dalam menekankan Maqasid Syariah dalam penentuan halal dan haram memperkukuhkan lagi kefahaman bahawa hukum Islam adalah ciptaan yang dinamik, relevan dan berorientasikan kepada kesejahteraan manusia sejagat.

6. Pemikiran al-Qaradawi terhadap Realiti Industri Halal Global (Fiqh Realiti)

Pemikiran al-Qaradawi merupakan salah satu suara terpenting dalam dunia Fiqh Kontemporari, khususnya dalam menangani realiti semasa yang melibatkan aplikasi prinsip halal dan haram dalam pelbagai konteks kehidupan moden. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai ulama yang luas pengaruhnya dari segi teologi dan hukum Islam secara umum, tetapi juga melalui sumbangan besar beliau dalam ijtihad yang mengambil cakna perubahan sosial dan keperluan semasa umat Islam di seluruh dunia (Safian, 2016).

Dalam dunia moden, konsep halal berkembang jauh melebihi sekadar makanan dan minuman; ia merangkumi sektor kosmetik, farmaseutikal, pelancongan, kewangan Islam dan teknologi. Permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal meningkat secara global, menjadikan industri halal salah satu sektor ekonomi yang pesat berkembang di peringkat antarabangsa. Permintaan ini bukan sahaja terhad kepada Muslim, bahkan turut menarik pengguna bukan Muslim yang mencari produk berkualiti dan selamat (Fuseini & Knowles, 2020). Kajian lain turut menunjukkan bahawa standard halal kini dianggap sebagai sebahagian daripada keselamatan dan etika pengguna secara umum (Hashim et al., 2025).

Al-Qaradawi menekankan bahawa halal dan haram harus difahami melalui suatu kerangka hukum yang tidak statik, tetapi dinamik dan responsif terhadap perubahan zaman. Beliau berpegang kepada prinsip ijtihad yang mengambil kira realiti sosial dan kemaslahatan umat, bukan semata-mata pematuhan literal terhadap teks klasik. Ini jelas dalam pendekatan Fiqh keutamaan (*fiqh al-awlawiyyāt)*, yang beliau kemukakan sebagai cara untuk menguruskan kemaslahatan dan bahaya hukum dalam situasi semasa (Hassan, 2023).

Dalam konteks industri halal, pendekatan ini membawa implikasi praktikal yang penting. Ijtihad al-Qaradawi memberi ruang kepada ulama dan badan fatwa untuk menilai status halal sesuatu produk atau proses dengan lebih sistematik berdasarkan dua perkara utama:

i. **Prinsip maqasid syariah** seperti menjamin kemaslahatan (*maslahah*), keadilan (*adl*) dan kesejahteraan umum (*halalan thayyiban*). Prinsip ini bukan sahaja merangkumi *kebolehan* sesuatu produk dimakan atau digunakan, tetapi juga **kualiti, keselamatan, dan keberkesanan** produk tersebut (HRMARS, 2024; Iqbal & Javed, 2025).
ii. **Pendekatan kontekstual terhadap realiti semasa**, termasuk perkembangan sains, teknologi serta struktur ekonomi global yang memerlukan kerangka fiqh bukan sahaja bergantung pada teks klasik semata, tetapi juga mempertimbangkan situasi sosial dan komersial terkini (Hidayat & Rosele, 2024).

Hal ini selaras dengan metodologi al-Qaradawi yang menolak kekakuan dalam hukum Islam, memahami bahawa ulama hanyalah medium untuk menjelaskan halal dan haram berdasarkan dalil syarak, tetapi tidak mempunyai kuasa untuk membuat hukum di luar apa yang telah dibuktikan melalui nas dan kaedah *usul al-fiqh*.

Dalam era globalisasi, industri halal berkembang sebagai kerangka ekonomi dan sosial yang penting. Standardisasi halal bukan sahaja melibatkan aspek agama, tetapi juga etika, keselamatan makanan, perlindungan pengguna, serta kepercayaan pasaran global. Konsep *halalan thayyiban* kini

dijadikan teras standard halal di banyak negara, termasuk Malaysia yang melalui *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia* (JAKIM) membangun standard halal yang diiktiraf secara global dan menjadi rujukan bagi pensijilan produk dan perkhidmatan halal di pelbagai sektor (Busari & Sitiris, 2019; Sinar Harian, 2024). Pemikiran al-Qaradawi berkait rapat dengan perkembangan ini dalam dua aspek penting:

1. **Kerangka pemikiran fiqh yang relevan terhadap kompleksiti produk moden**, produk seperti kosmetik, farmaseutikal dan makanan berteknologi tinggi memerlukan analisis hukum yang bukan sekadar berasaskan definisi tradisional semata (Akram, 2021).
2. **Sumbangan kepada kelahiran badan fatwa dan piawaian halal antarabangsa**, seperti *European Council for Fatwa and Research* yang beliau pimpin, yang membantu merangka fatwa yang relevan dengan situasi Muslim minoriti di Eropah dan sekaligus menyokong pemikiran syariah yang kontekstual serta responsif terhadap realiti global.

Melalui kedua-dua aspek ini, sumbangan pemikiran al-Qaradawi membantu memantapkan ijtihad kontemporari. Ia bukan sahaja berfungsi menjaga prinsip syariah, tetapi juga memastikan perkembangan industri halal selari dengan prinsip syariah dan memberi manfaat kepada umat Islam di seluruh dunia.

Manifestasinya, lima tema utama dapat dikenal pasti berdasarkan analisis terhadap sumbangan pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam Fiqh halal dan haram. Tema-tema ini menunjukkan kerangka pemikiran yang digunakan oleh al-Qaradawi dalam menentukan hukum terhadap isu-isu kontemporari seperti mana jadual 2.

Jadual 2: Analisis Tema Pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam Fiqh Halal dan Haram

Tema Pemikiran	Huraian Pendekatan	Implikasi terhadap Fiqh Halal	Rujukan
Penggunaan Kaedah Fiqh	Penggunaan seperti kaedah Asal Sesuatu Perkara adalah Harus (*al-Asl al-ibahah*). Semua perkara pada asalnya harus selagi tidak terdapat dalil yang jelas mengharamkannya	Memberi ruang ijtihad terhadap isu makanan moden dan teknologi baharu	al-Qaradawi (1994); Kamali (2010)
	Menggunakan kaedah seperti *al-darurat tubih al-mahzurat* dan *al-masyaqqah tajlib al-taysir*	Membolehkan penentuan hukum secara fleksibel terhadap isu kontemporari	Indradi (2023); Kamali (2013)
Pendekatan *Wasatiyyah*	Menekankan keseimbangan antara ketegasan hukum dan kemudahan kepada manusia	Mengelakkan sikap terlalu ketat atau terlalu longgar dalam hukum halal	Gräf (2010); Akram (2021)
Penekanan Maqasid Syariah	Hukum dinilai berdasarkan tujuan syariah seperti menjaga agama, nyawa dan akal	Membolehkan hukum dinilai berdasarkan pencapaian maslahah dan penolakan mafsadah	Kamali (2013)

Tema Pemikiran	Huraian Pendekatan	Implikasi terhadap Fiqh Halal	Rujukan
Fiqh Realiti (*Fiqh al-Waqi'*)	Mengambil kira realiti sosial, ekonomi dan teknologi semasa	Membantu ulama menangani isu halal dalam industri moden	Fuseini & Knowles (2020)
Integrasi antara Fiqh Klasik dan Kontemporari	Menggabungkan pandangan ulama klasik dengan keperluan zaman moden	Menghasilkan pendekatan fiqh yang lebih dinamik	Akram (2021)

Jadual 2 di atas menunjukkan enam pendekatan utama dalam pemikiran fiqh halal kontemporari menurut Yusuf al-Qaradawi. Prinsip asas bahawa sesuatu perkara adalah harus memberikan fleksibiliti untuk menilai isu moden tanpa mengabaikan syariat. Penggunaan kaedah fiqh seperti *al-ḍarūrat tubih al-maḥẓūrat* membolehkan hukum disesuaikan dengan keadaan darurat atau kesukaran. Pendekatan *wasatiyyah* menekankan keseimbangan dan mengelakkan ekstremisme dalam pelaksanaan hukum. Penekanan kepada maqasid syariah memastikan hukum selaras dengan tujuan syariah, manakala Fiqh Realiti (*fiqh al-waqi'*) membolehkan ulama menilai konteks sosial dan teknologi semasa. Akhirnya, integrasi antara fiqh klasik dan kontemporari menghasilkan pendekatan yang lebih dinamik dan relevan bagi menangani cabaran halal moden. Prinsip-prinsip tersebut membentuk satu kerangka metodologi yang membolehkan para ulama menilai isu-isu halal kontemporari secara lebih sistematik dan komprehensif.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pemikiran Yusuf al-Qaradawi telah memberi sumbangan yang signifikan dalam pengembangan fiqh halal dan haram kontemporari. Melalui pendekatan yang menggabungkan dalil syarak, kaedah fiqh dan maqasid syariah, beliau berjaya memperkenalkan metodologi fiqh yang lebih relevan dengan realiti kehidupan moden. Karya beliau, khususnya *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam*, menjadi rujukan penting dalam memahami konsep halal dan haram secara komprehensif. Pendekatan *wasatiyyah* yang diketengahkan oleh beliau juga membantu mengimbangi antara ketegasan hukum syariah dan keperluan kemudahan dalam kehidupan manusia. Oleh itu, pemikiran al-Qaradawi terus relevan dalam menangani pelbagai isu halal dan haram yang timbul dalam masyarakat moden, khususnya dalam konteks perkembangan industri halal global.

Pemikiran al-Qaradawi bermula daripada sumber hukum syariah yang menjadi asas kepada seluruh sistem fiqh Islam. Sumber-sumber ini kemudian dianalisis melalui metodologi fiqh yang merangkumi penggunaan kaedah fiqh, maqasid syariah, pendekatan *wasatiyyah* serta pemahaman terhadap realiti semasa. Pendekatan metodologi ini seterusnya diaplikasikan dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan konsep halal dan haram seperti institusi fatwa, sistem pensijilan halal dan industri halal global. Melalui proses ini, pemikiran al-Qaradawi menyumbang kepada pengembangan fiqh halal dan haram yang lebih dinamik serta mampu menangani isu-isu baharu dalam masyarakat moden.

Perbahasan rumusan pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam Fiqh Halal dan Haram Kontemporari dijelaskan melalui Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Rumusan pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam Fiqh Halal dan Haram Kontemporari

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Nor Musfirah Mohamad (Pengumpulan data dan penulisan awal, analisis data, penulisan akhir)
Nik Faisal Nik Ismail, *Email:* nikfaisal@unisiraj.edu.my (Metodologi dan Pemilihan data, semakan analisis data, semakan draf akhir)

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperoleh atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dirakamkan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (PPPI) dan Fakulti Pengajian Islam Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) memberi peluang menggarap penulisan demi pencambahan ilmu serta terus menyokong kerja penyelidikan ini. Penulis juga merakamkan penghargaan kepada penulis bersama serta semua pihak atas komitmen yang diberikan.

RUJUKAN

Abdul Majid, M. N. (2023). Al-Dharā'iʿ Dalam Ijtihad Menurut al-Qarāfiyy dan al Shāṭibiyy: Satu analisis. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 5(1), 45–60.

Akram, M. (2020). Reform through tradition: An analysis of Yusuf al-Qaradawi's approach to halal and haram. *ĪQĀN: Journal of Islamic Studies*, 3(1), 1–15.

Akram, M. (2021). Contemporary perspectives on halal and haram in Islamic jurisprudence. *Journal of Islamic Studies*, 32(2), 215–230.

Akram, M. (2021). Reform through tradition: An analysis of Yusuf al-Qaradawi's approach to halal and haram. *IQAN: Journal of Islamic Studies*, 3(1), 19–32. https://doi.org/10.36755/iqan.v3i01.223

Albaik, A. (2009). *Zakat And Its Influence In Solving Social Problems*. Cairo: Al-Azhar University.

Al-Qaradawi, Y. (1994). The Lawful And The Prohibited In Islam (*al-ḥalāl wa al-ḥarām fi al-Islām*). Indianapolis: American Trust Publications.

Al-Qaradawi, Y. (1999). The Lawful And The Prohibited In Islam. Indianapolis: American Trust Publications.

Al-Qaradawi, Y. (2006). Ibn al-Qarya wa al-Kuttab: Malamih Sira Wa Masira. Cairo: Dar al-Shorouq.

Al-Qaradawi, Y. (2009). *Fiqh al-Wasatiyyah Wa al-Tajdid*. Markaz al-Qaradawi Li al-Wasatiyyah Wa al-Tajdid.

Al-Zarqā, M. A. (1998). *Al-Madkhal al-Fiqhī al-ʿĀmm* (Vol. 2). Dar al-Qalam

Ariffin, M. F. M., Rosele, M. I., & Harun, M. S. (2022). Konsep Al-Karāhah Dalam Kerangka Pemakanan Halal Menurut Hukum Islam. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 33–45.

Asror, M., Rofiqi, R., Syafaq, H., & Hilmy, M. (2023). Yusuf Al-Qaradawi's Perspective On Fiqh Aqalliyat In A Multicultural Society. Khazanah: *Jurnal Studi Islam dan Humaniora*, 21(1), 83–98. https://doi.org/10.18592/khazanah.v21i1.8900

Auda, J. (2008). Maqasid Al-Shariah As Philosophy Of Islamic Law. London: International Institute Of Islamic Thought.

Busari, S. A., & Sitiris, M. (2019). *Standardisation of Halal Industry towards Sustainable Development Goals (SDG)*. Journal of Islam in Asia. https://doi.org/10.31436/jia.v18i1.1001

Auda, J. (2017). Contemporary Islamic legal theory and the maqasid approach. *Journal Of Islamic Ethics*, 1(1–2), 1–21.

Choudhury, M. A. (2020). A Global Outlook On Permissibility (Ḥalāl) And Impermissibility (Ḥarām) According To Tawḥīd And Shariah. *Jurnal Syariah*, 29(3). https://doi.org/10.22452/syariah.vol29no3.3

Choudhury, M. A. (2022). A Global Outlook On Permissibility (Halal) And Impermissibility (Haram) According To Tawhid And Shariah. *Jurnal Syariah*, 29(3), 395–418.

Fazil, N. F. H, & Abdul Majid, M. N. (2024). Application of Qawaid Fiqhiyyah in the Issue of the Cultured Meat. *SALAM Digest*, *2*(1), 78-88. Retrieved from https://salam.usim.edu.my/index.php/salamdigest/article/view/105

Fuseini, I., & Knowles, M. (2020). [Kajian Industri Halal].

Hassan, M. (2023). Yusuf Al-Qaradawi's Jurisprudence Of Priorities: A Critical Assessment. American Journal of Islam and Society, 40(1-2). https://doi.org/10.35632/ajis.v40i1-2.3190

Gräf, B. (2010). *Key Islamic Political Thinkers*. Oxford University Press.

Gräf, B. (2010). The Concept Of Wasatiyyah In The Thought Of Yusuf Al-Qaradawi. Die Welt des

Islams, 50(1), 1–27.

Gräf, B., & Skovgaard-Petersen, J. (2009). Global Mufti: The Phenomenon Of Yusuf Al-Qaradawi. *British Journal of Middle Eastern Studies*, 36(3), 373–389.

Gustanto, E. S., & Mubarok, J. (2023). Kaidah Fikih Al-Ashlu Fi Al-Asyya' Al-Ibahah Dalam Konteks Ekonomi Dan Bisnis Syariah. Tamaddun Journal Of Islamic Studies, 2(2), 45–58. (Scimadly)

Hallaq, W. B. (2009). *An introduction to Islamic law*. Cambridge: Cambridge University Press.

Hashim, K. E., Tumiran, M. A., & Husna, A. (2023). Maqasid Syariah Dalam Industri Halal: Aplikasi Elemen Keselamatan Makanan Dalam Kalangan Pengusaha Pembuatan Produk Makanan di Bangi, Selangor. *Journal Of Management And Muamalah*, 13(1), 1–12. https://doi.org/10.53840/jmm.v13i1.144

Hashim, Y. Z.-Y., et al. (2025). *Revisiting contemporary halal research from the perspective of the tawhidic paradigm*. Halalsphere, 5(2), 30-52. https://doi.org/10.31436/hs.v5i2.123

Hidayat, M., & Rosele, M. I. (2024). Modernization Of Fiqh In Contemporary Era: A Study Of Yusuf Al-Qardhawi's Fiqh Thought. *MIQOT: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 48(1), 73-87.

Hikmah, N., & Yazid, M. (2024). Maqasid Al-Shariah As A Contemporary Economic Solution According To Yusuf Al-Qaradawi. *ITQAN: Journal of Islamic Economics, Management and Finance*, 4(1), 1–14.

Hilme, S. I., & Raffi, R. M. (2024). Maqasid Approach And Shariah Rules Towards Halal Industry. *Journal Of Halal Science, Industry, And Business*, 2(2), 1–14. https://doi.org/10.31098/jhasib.v2i2.2691

Ibrahim, B., & Wan Chik, W. M. Y. (2011). Maqasid Al-Shariyyah According To Al-Qaradawi In Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam. *International Journal of Business and Social Science*, 2(1), 238–254.

Indradi, W. (2023). Kaidah fikih dalam halal dan haram menurut Syaikh Yusuf al-Qaradawi. *Khuluqiyya: Jurnal Kajian Hukum dan Studi Islam*, 5(2), 213–230.

Iqbal, Z., & Javed, T. (2025). *Sustainability and Ethics in the Halal Industry*. Journal of Halal Ethics and Research. https://doi.org/10.58932/MULJ0008

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2016, December 5). *Irsyad Usul Fiqh Siri ke-6: Perbezaan antara Usul Fiqh dan Qawaid Fiqhiyyah*.

Jum'ah, I. A. (2006). *Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah Al-Muyassarah*. Dar Al-Nafaes.

Kamali, M. H. (2006). Legal Maxims and Other Genres of Literature in Islamic Jurisprudence. *Arab Law Quarterly*, *20*(1), 77–101.

Kamali, M. H. (2010). Principles Of Islamic Jurisprudence (3rd ed.). Cambridge: Islamic Texts Society.

Kamali, M. H. (2013). *Shari'ah law: An introduction*. Oxford: Oneworld Publications.

Kamali, M. H. (2014). The Shariah And Halal Industry: Issues And Challenges. Islam and Civilisational Renewal, 5(2), 215–240.

March, A. F. (2015). Yusuf Al-Qaradawi And The Challenges Of Modern Islamic Jurisprudence. Middle East Law and Governance, 7(3), 214–238.

Mutaqin, Z., & Ahmad, R. (2017). Moderatisme Hukum sebagai Fondasi Masyarakat Islam. *TEMALI: Jurnal Pembangunan Sosial*, 2(2). https://doi.org/10.15575/jt.v2i2.4695

Nasir, M. N., & Umar, A. (2025). Hadith Thought of Al-Qaradawi: An Analysis in the Book Nahwa Mausu'at li al-Hadith Al-Sahih, Mashru' Manhaj Muqtarah. *HADIS*, *15*(30), 108-117.

Nazir, M. A., Abdullah, M. N., Osman, M. F., Ismail, N. F., & Kamis, M. S. (2025). The position of

Maqasid al-Shariah within Islamic legal sources: A comprehensive analysis. Samarah: *Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam*. https://doi.org/10.22373/q4byre51

Polka, S. (2015). Shaykh Yusuf Al-Qaradawi: Spiritual Mentor Of Wasati Salafism. Syracuse: Syracuse University Press.

Rafida, A. I., Sahri, S., & Amin, F. (2025). Contemporary Islamic Moderation: Insights from al-Qaradawi, Nurcholis Madjid, and Abdurrahman Wahid. *ISTIFHAM: Journal of Islamic Studies*, 3(2), 112–129. https://doi.org/10.71039/istifham.v3i2.103

Rasito, R., & Mahendra, I. (2022). Moderasi Fikih melalui Pendekatan Maqasid al-Shari'ah Yusuf al-Qaradhawi. *Al-Wasatiyah: Journal of Religious Moderation*, 1(1). https://doi.org/10.30631/jrm.v1i1.3

Rizza, M., Aprial, B. J., Muhibbi, M. S., & Nurhakim, D. A. R. (2025). Islamic Moderation in Conflict Resolution: Yusuf Al-Qardhawi's Perspectives and Their Contribution to Campus Life at Universiti Utara Malaysia. *Ta'allum: Jurnal Pendidikan Islam*, 13(1), 32–48. https://doi.org/10.21274/taalum.2025.13.1.32-48

Rosele, M. I., Abdullah, L., & Ramli, M. A. (2014). Al-Qaradawi's Juristic Perspectives On Zakah Of Agricultural Wealth As Reflected In His Fiqh Al-Zakah. *Journal Of Emerging Economies And Islamic Research*, 1(3), 1–9.

Safian, Y. H. M. (2016). The Contribution Of Yusuf Qaradawi To The Development Of Fiqh. Electronic Journal of Islamic and Middle Eastern Law.

Salhab, B. B., Zaroum, A. M. A., & Awad, H. (2025). The Jurisprudential Foundations And Shariah Constants In Imam Al-Qaradawi's Fatwas Related To The Palestinian Issue. *International Journal Of Fiqh And Usul Al-Fiqh Studies*, 9(3), 1–16.

Shaary, K., & Wan Harun, M. A. (2020). Amalan Rukhsah Sembelihan Ahli Kitab Menurut Yusuf Al-Qaradawi Dalam Kitab Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam. *BITARA International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences*, 3(1), 30–40.

Skovgaard-Petersen, J. (2012). Yusuf Al-Qaradawi And Islamic Legal Authority In The Modern World. The Muslim World, 102(3–4), 563–579.

Taftazani, M. I. U. (792H). *Sharh Al-Talwih Ala Al-Tawdih Li-Matn Al-Tanqih Fi Usul Al-Fiqh.* MatbaT Muhammad Ali Sabih Wa-Awladih.

Zain, C. R. C. M., & Zakaria, Z. (2021). A Review Of Halal Governance In Malaysia From The Perspectives Of Maqasid Al-Shariah. *Journal Of Shariah Law Research*, 7(2). https://doi.org/10.22452/jslr.vol7no2.3